

PERUBATAN ISLAM: SATU PERKEMBANGAN DAN SUMBANGAN TOKOH

Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
E-mel: alshiddieque@kuis.edu.my

Abdul Mukhti Baharudin
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
E-mel: abdulmukhti@kuis.edu.my

Nur Syahidatul Solihah Aziz @ Ab Aziz
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Dunia Perubatan dewasa ini telah mengalami beberapa perubahan mengikut peredaran zaman. Tambahan pula dengan adanya teknologi terkini dapat memberi penambahbaikan dalam bidang perubatan terutama pengkhususan yang tertentu dalam bidang perubatan. Dengan itu, ada di kalangan pengamal perubatan yang dikenali sebagai pakar dalam pengkhususan yang tertentu. Begitu juga kesannya dapat dirasai dalam bidang perubatan Islam yang mana ramai di kalangan pengamal perubatan yang mempunyai unsur-unsur Islam dalam rawatan. Termasuk pengajaan aurat, batasan mahram, dan ruqyah yang dibenarkan oleh syara'. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti sejarah perkembangan dan sumbangan pengamal perubatan Islam dalam dunia perubatan. Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti sejarah perkembangan perubatan Islam pada zaman pemerintahan islam. Metod kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan yang berkaitan dengan perubatan islam. Justeru, hasil kajian mendapat bahawa perubatan islam banyak memberi sumbangan dalam sistem perubatan Islam yang mana zaman pemerintahan Islam mempunyai tokoh-tokoh yang menyumbang secara langsung dalam bidang perubatan.

Kata kunci: Perubatan, Sejarah Perubatan Islam, Tokoh

1. Pengenalan

Kebanyakan ulama atau cendekiawan tidak mentakrifkan perubatan Islam secara khusus kecuali amat sedikit dan kesimpulannya boleh dikatakan bahawa perubatan Islam adalah salah satu bidang ilmu dan amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan di mana terkandung di dalamnya paradigma, konsep, nilai-nilai dan tatacara ujian serta rawatan yang selaras dan tidak bertentangan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah Rasulullah S.A.W. Dari kenyataan ini terdapat beberapa perkara yang perlu difahami iaitu adanya unsur ilmu sains, konsep dan tatacara rawatan dan tidak bertentangan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah. Walaupun begitu, apa yang difahami mengikut huruf dan adat kebiasaan apabila disebut perubatan Islam biasanya dengan penggunaan ayat-ayat Al-Quran dan cara tradisional berlainan dengan rawatan yang dilakukan oleh pakar-pakar perubatan di hospital atau di klinik kesihatan (Al-Bakri, 2011).

Rawatan dan perubatan yang bebas daripada unsur-unsur syirik seperti jampi yang tidak difahami maksudnya dan pujaan samada pujaan pengikut adat setempat dan budaya

masyarakat boleh disandarkan kepada perubatan yang berkonsepkan Islam. Sebaliknya sekiranya terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam maka ianya terkeluar daripada konsep perubatan Islam. Hal ini kerana masih terdapat pengamal perubatan yang mengamalkan konsep yang bertentangan dengan Islam tapi dalam masa yang sama pengamal tersebut menyandarkan kepada ajaran Islam yang berkemungkinan beberapa mantra dikaitkan dengan ayat suci al-Quran. (Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin: 2013)

2. Sejarah dan Perkembangan Perubatan Islam Selepas Kedatangan Islam

Kedatangan Islam ke alam dunia melalui perutusan junjungan Nabi Muhammad S.A.W pada akikatnya telah membawa satu tamadun yang baru kepada penduduk dunia. Tamadun baru ini dianggap satu keajaiban kerana titik tolaknya yang berbeza daripada yang lain iaitu ianya diasaskan di atas pengabdian mutlak kepada Allah, keadilan, persamaan, persaudaraan dan lain-lain lagi (Taha, 1992).

Oleh kerana alam perubatan merupakan elemen yang tidak boleh renggang daripada manusia, maka perkembangannya selepas kedatangan Islam amat menyerlah sekali. Pada hakikatnya perkembangannya juga disokong dan didokong oleh sifatnya sebagai “fardu kifayah”. Bahkan keutamannya di antara fardu-fardu kifayah yang lain diperakui sehingga Imam al Ghazali pernah membantah sikap masyarakat pada zamannya yang hanya menekankan persoalan fiqh sehingga bidang perubatan dikuasai oleh orang-orang yang bukan Islam (Al Qaradawi, 1995M/1415H).

Kegemilangan ilmu perubatan Islam adalah berpunca daripada kesyumulan dan keagungan ajaran Islam yang tidak menolak sebarang bentuk pengaliran ilmu kepada umatnya biarpun ianya diambil daripada bukan Islam. Galakan Islam yang membuka ruang kepada umatnya untuk mendalami apa jua bidang ilmu yang memberi manfaat kepada kesejahteraan dan kemajuan hidup mereka telah menyebabkan berkembangnya ilmu perubatan Islam.

Zaman ketika mana Islam memperkembangkan sayap pemerintahannya ke seluruh pelusuk dunia, tamadun Islam telah berdamping dengan berbagai jenis manusia di bawah naungannya seperti bangsa Parsi, Syria, Sepanyol, Mesir dan India. Bangsa-bangsa ini telah menyumbangkan unsur-unsurnya yang tersendiri dalam membentuk sistem yang dikenali sebagai perubatan Islam. (Saad I. , 1985M). Kemanfaatan ini kemudiannya telah diadun dengan keserasian dan kewajaran ajaran Islam. Tokoh ternama dunia perubatan Islam seperti Ibn Sina dan Ar Razi melalui kegeligaan pemikiran, falsafah dan amalan mereka telah terus mengevolusi dan memberi bentuk serta corak tersendiri kepada sistem ilmu perubatan Islam. Perkembangan ilmu perubatan secara lebih terperinci, maka penulis membahagikannya mengikut era zaman seperti berikut:

2.1 Zaman Sahabat r.a dan Bani Umayyah

Sejarah ilmu perubatan Islam telah bermula pada zaman sahabat lagi. Perkara ini terbukti melalui riwayat-riwayat yang mendedahkan beberapa bentuk perubatan di kalangan orang-

orang Islam ketika itu. Antaranya ialah kisah „Afranjah r.a yang merupakan salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W, telah tercedera di dalam satu peperangan dan beliau telah kehilangan batang hidungnya. akhirnya beliau menggunakan hidung palsu yang diperbuat daripada perak. Setelah digunakan, tempat kecederaan telah mengeluarkan bau yang busuk. Lalu Rasulullah S.A.W telah mencadangkan agar beliau („Afranjah) menggunakan hidung palsu yang diperbuat daripada emas (Ibn Kathir, 1985M/1405H.).

Diriwayatkan bahawa „Urwah ibn al Zubair ibn al Awwam telah ditimpa satu penyakit di bahagian kakinya. Penyakit itu timbul ketika beliau berkunjung ke Damsyik untuk berjumpa Khalifah al Walid ibn Abd al Malik. Khalifah al Walid telah mengumpulkan ahli-ahli perubatan yang hebat pada zamannya untuk membantu mengubati penyakit, Urwah. Mereka (ahli-ahli perubatan) akhir sepakat mengatakan bahawa kaki Urwah terpaksa dipotong demi untuk menyelamatkan nyawa dan anggota-anggota badan yang lain dari terkena jangkitan penyakit tersebut. Urwah bersetuju kakinya dipotong. Ahli-ahli perubatan yang merawatkan telah menawarkan kepadanya sejenis ubat yang boleh menghilangkan akalunya buat sementara, sewaktu kakinya dipotong. Tetapi beliau (Urwah) enggan menggunakannya. Sebaliknya meminta kakinya dipotong ketika beliau bersembahyang. Walaubagaimanapun beliau tidak sedikitpun mengerang kesakitan kerana terlalu khusyuk dalam munajat beliau dengan Tuhannya (Ibn Kathir, 1985M/1405H.).

Berdasarkan dua kisah di atas, jelaslah kepada kita bahawa perubatan secara saintifik telah wujud pada peringkat awal Islam lagi. Bahkan di dalam kes pertama (kisah Afranjah r.a) menunjukkan bahawa penggunaan alat gantian palsu telahpun wujud pada zaman Rasulullah S.A.W, manakala kes kedua (kisah Urwah) menunjukkan bahawa pembedahan terhadap anggota badan manusia telahpun dipraktikkan dalam sejarah BaniUmayyah. Ia juga menunjukkan bahawa ubat penahan sakit (bius) telahpun tersebar dan digunakan pada zaman tersebut.

Bidang ini kemudiannya diberikan perhatian serius. Seorang pemuda Islam, Abu Hasyim Khalid Ibn Yazid al Amawi iaitu cucu kepada Ma’awiyah bin Abi Sufyan telah dikatakan telah mendalami ilmu perubatan. Pengetahuan beliau tentang bidang ini adalah hasil minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Untuk bidang perubatan ini, beliau telah mendalaminya dengan bantuan Yahya al Nahwi. Dikatakan beliau adalah muslim pertama yang mengambil usaha menterjemah buku-buku perubatan ke dalam bahasa Arab (Najjar, 1987M/1407H).

Ini bermakna bidang perubatan telah berkembang setapak lagi pada zaman pemerintahan Bani Umayyah. Pengamal-pengamal perubatan pada zaman tersebut telah mula mendekati buku-buku perubatan karangan orang-orang Greek. Dikatakan juga bahawa al Walid ibn Abdul al Malik, salah seorang khalifah Bani Umayyah merupakan orang yang pertama membina hospital di dalam Islam (Najjar, 1987M/1407H).

2.1.1 Antara tokoh-tokoh perubatan yang terkemuka pada zaman Bani Umayyah ialah:

- i. Al Hakam bin Abi al Hakam al Dimasyqi. Beliau adalah seorang pengamal perubatan yang amanah sehingga mendapat kepercayaan Khalifah Mu'awiyah bin Abi Sufyan r.a untuk merawatnya (Mu'awiyah) dan keluarganya.
- ii. Isa bin Hakam. Beliau adalah anak kepada Al Hakam bin Abi Al Hakam.
- iii. Tayyazuq. Beliau adalah pengamal perubatan yang dipercayai oleh Al Hajjaj Yusuf al Thaqafi untuk merawatnya.
- iv. Abd Al Malik bin Abdur al Kannani. Beliau pernah merawat „Umar bin Abd al Aziz, salah seorang khalifah Bani Umayyah. Dirwayatkan bahawa beliau memeluk Islam di tangan Khalifah Umar sendiri.
- v. Zainab alAwadiyyah. Beliau ialah seorang wanita yang mahir di dalam mengubati penyakit-penyakit yang berkaitan dengan mata.

2.2 *Zaman Bani Abbasiyyah*

Perkembangan seterusnya ialah pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (750 – 1258M) di mana terdapat dua buah pusat pengajian tinggi dalam bidang perubatan, pertamanya di Jundisyapur di Parsi dan keduanya di Harran di Syria. Tenaga-tenaga pengajarnya terdiri daripada pakar-pakar perubatan dari Parsi, Yunani dan Syria. Menurut riwayat, banyak tenaga-tenaga perubatan luar telah dibawa ke Baghdad yang menjadi ibu kota kerajaan Islam pada masa itu. Keadaan ini menjadikan ilmu perubatan orang-orang Islam merupakan kesinambungan ilmu-ilmu perubatan dari Parsi, Yunani, India, Mesir, dari orang-orang Yahudi dan Kristian. Oleh itu, bidang ini terpapar sebagai integrasi antara teori-teori perubatan berbagai bangsadan tamadun (Noordin, 1981M/1401H).

Pemetikan ilmu-ilmu perubatan dari pelbagai bangsa dan kaum ini tidaklah menggambarkan bahawa ilmu perubatan Islam hanyalah tiruan dari tamadun Yunani atau bangsa-bangsa lain semata-mata, dan tidak juga menggambarkan bahawa peranan orang-orang Islam hanyalah sebagai penyimpan ilmu-ilmu tersebut di dalam khazanah-khazanah ilmuan mereka. Sebenarnya Islam adalah agama sejagat untuk seluruh umat manusia. Sebagai agama yang menggerakkan akal, mencetuskan minda dan menghormati daya kreatif manusia, Islam tidak menolak segala bentuk ilmu yang terhasil daripada akal fikiran manusia, lebih-lebih lagi yang melibatkan saintifik, percubaan dan pengalaman selagi mana ianya tidak bercanggah dengan prinsip dan batas-batas yang telah digariskan oleh Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Atas asas inilah pemerintah-pemerintah Islam pada zaman kegemilangan dan kecemerlangan tamadun Islam telah memberi laluan dan tempat yang tinggi kepada sistem perubatan yang diperkenalkan oleh bangsa-bangsa lain, atau dengan kata lain kesejagatan ilmu manusia di dalam bidang ini telah diislamkan di bawah satu kawalan pemerintahan dan undang-undang yang dikenali dengan pemerintahan dan undang-undang Islam.

Perkembangan ilmu perubatan seperti yang disebutkan di atas sebenarnya berpunca dari pendedahan ilmu-ilmu luar secara perdana terutamanya dalam bidang falsafah. Pendedahn ini telah dianjurkan oleh pemerintah kerajaan Abbasiyyah terutama di zaman khalifah al Ma'mum. Ianya berlaku melalui penterjemahan buku-buku falsafah Greek.

Sebagai sokongan berikutnya al Ma‘‘um telah menubuhkan satu perpustakaan bagi tujuan mengumpulkan buku-buku ilmiah yang diterjemahkan ke bahasa Arab. Perpustakaan ini dinamakan “*Bait al Hikmah*”. Bahkan beliau telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak bagi membiayai program penterjemahan buku-buku ilmiah terutama di dalam bidang falsafah ke dalam bahasa Arab (Khalidi, 1985M).

Kaitan antara program pengalihan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan falsafah ini dengan perkembangan bidang perubatan ialah bidang ini yakni (perubatan) merupakan salah satu cabang penting ilmu falsafah. Menurut pandangan Abd al Rahman ibn Khaldun, bidang perubatan adalah sebahagian dari cabang *al Tabi‘‘iyat*. Oleh itu, perkembangan ilmu falsafah di alam dunia Islam juga bermakna perkembangan bidang perubatan. Oleh kerana bidang perubatan ini lebih menjurus kepada kajian, pengamatan, pengalaman dan saintifik, maka perkembangannya di dalam dunia Islam tidak ditentang oleh para ilmuwan Islam kecuali jika terdapat unsur-unsur yang melanggar batas-batas wahyu (Al Qaradawi, 1995M/1415H).

Walau bagaimanapun terdapat juga aliran perubatan di kalangan ahli perubatan muslim pada zaman tersebut yang berpandukan secara langsung dari lafaz Al-Quran dan Al-Sunnah. Ilham dari kalimah atau lafaz yang digunakan oleh kedua sumber tersebut menjadi kajian mereka dan akhirnya beberapa perkara baru yang berkaitan dengan bidang ini ditemui. Aliran ini dapat dikesan melalui beberapa tafsiran terhadap ayat-ayat yang berkaitan. Contohnya ialah ayat 84 dari surah Yusuf: Sebagaimana firman Allah S.W.T

﴿ وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَا سَعْدِي عَلَىٰ يُوسُفَ وَأَبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴾

Maksudnya:

“Dan (bapa mereka-Nabi Yaakub) pun berpaling dari mereka (kerana berita yang mengharukan itu) sambil berkata: Aduhai sedihnya Aku kerana Yusuf, dan putihlah dua belah matanya disebabkan ratap tangis dukacitanya kerana ia orang Yang memendamkan marahnya di dalam hati”. (Yusuf: 84)

Menurut al Razi (beliau adalah seorang ahli perubatan (544-604 H), ayat ini menunjukkan bahawa seseorang yang banyak menangis akan menyebabkan kelopak matanya diselaputi oleh keruhan-keruhan air mata yang keluar. Ini boleh mengakibatkan penglihatan seseorang itu menjadi kabur atau hilang penglihatannya (Al Razi, 1985M/1405H.).

Kesan perkembangan ilmu perubatan di dalam empayar Islam telah menyebabkan banyaknya pusat-pusat pengajian di dalam bidang tersebut. Bandar-bandar utama umat Islam seperti Bahgdad, Damsyik, Basrah, Samarkand, Kaherah, Tunis, Fez, Cordoba, Toledo, Seville dan Granada telah menyaksikan pertumbuhan yang positif ini sekaligus telah menjadi antara pusat-pusat terpenting bagi pengajian bidang ini (Saad I. , 1985M).

Hakikat yang mesti diperakui ialah kecemerlangan dan keagungan tamadun Islam sebenarnya lebih menyerlah pada era kegemilangan evolusi perubatan Islam. Kemuncak ini makin dirasai apabila terhasilnya beberapa karya-karya perubatan yang ditulis oleh pakar-pakar perubatan Islam. Karya-karya ini bukan sahaja boleh menandingi penulisan-penulisan

Yunani dan sebagainya, bahkan terdapat padanya penelitian dan kritikan yang mendalam terhadap cara pemikiran orang-orang Yunan di dalam arena perubatan.

Antara karya yang termasyhur yang ditulis oleh tokoh-tokoh perubatan Islam ialah Abu Bakr Muhammad bin Zakaria Al Razi (865-925M). Beliau yang berasal dari negeri Parsi telah menulis 184 buah buku, 56 daripadanya adalah berkenaan dengan ilmu perubatan. Bukunya yang bertajuk “Kitab al Hawi” yang mempunyai 24 jilid telah disalin beberapa kali dan diterjemahkan ke dalam bahasa Latin pada tahun 1187M. Kitab ini telah menjadi buku rujukan pertama dan utama dalam pengajian kimia di Eropah hingga abad 14M. (Noordin, 1981M/1401H).

Seorang lagi tokoh perubatan yang telah menghasilkan karya yang sukar ditandingi ialah „Ali ibn al „Abbas atau juga dikenali dengan nama Haly „Abbas. Beliau adalah seorang muslim juga berasal dari Parsi telah menulis buku yang berjudul “*Liber Regius*”. Buku ini ditulis di dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan diterbitkan di Venice pada tahun 1492M dan di Lyon pada tahun 1523M. Karya ini amat menarik sekali kerana terkandung di dalamnya perbandingan di antara tokoh perubatan Yunan dengan tokoh perubatan Islam (Saad I. , 1985M).

Tokoh perubatan Islam lain yang terlibat dalam menghasillkan karya perubatan ialah Abu al Qasim al Zahrawi atau juga dikenali sebagai Albucasia (936-1013 M). Beliau adalah seorang pengamal-perubatan (terutamanya di dalam bidang pembedahan) yang termasyhur dari Cordova, Sepanyol. Beliau telah menulis buku yang bertajuk “*Kitab al Tasrif*”. Buku ini adalah buku encyclopaedia perubatan yang telah menjadi bahan rujukan utama kepada pengamal-pengamal perubatan khususnya di dalam bidang pembedahan beberapa abad selepasnya. Melalui buku ini beliau telah memperkenalkan 150 alat pembedahan. Buku ini akhirnya diterjemahkan kedalam bahasa Latin, Perancis, Sepanyol dan hebrew pada zaman Renaissance Eropah Nik Aziz (Nik Aziz bin Sulaiman & Shahimi bin Mustafa. t.t.).

Abu Marwan Abd Al Malik atau dikenali juga Ibn Zuhr (1161M) pula telah menulis kitab “*al Taysir Fi al Murawah Wa alTadbir*” atau “Facilitation of Treatment”. Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Latin pada zaman Renaissance Eropah. Kandungan karya ini ialah huraian terhadap *scabies*, *perikarditis*, pengeluaran batu karang, penyakit telinga tengah dan lain-lain lagi.

Ibn al Rushd (1126-1198M) juga merupakan seorang tabib yang telah menghasilkan karya perubatannya yang terkenal iaitu “*al Kuliyyah*” atau di dalam bahasa Inggerisnya “General Rules of Medicine”. Buku ini mempunyai 16 jilid. Hasil kerjanya telah diwarisi oleh orang-orang Eropah.

Abu Ali ibn Abd Allah Ibn Sina atau dikenali juga dengan Avicenna (980-1036M). Beliau adalah seorang ahli fikir Islam, pakar di dalam bidang falsafah, sains, ilmu falak, sajak dan lain-lain. Di dalam bidang perubatan, beliau dianggap sebagai tokoh yang berpengaruh di timur dan di barat sehingga digelar sebagai “Putera di kalangan Tokoh Perubatan”. Penulis-penulis sejarah perubatan telah menyifatkan daya ilmuannya khususnya di dalam bidang perubatan sebagai satu kesinambungan kepakarannya di dalam bidang ilmu falsafah yang telah mempertajamkan kemampuan inteleknnya dalam jurusan perubatan yang membawa

beliau kepada puncak kejayaan dengan menyatukan atau mengsystemkan semua teori ilmiah serta amalan perubatan yang berasal dari abad-abad terdahulu. Hasilnya lahirlah beliau sebagai seorang saintis teragung dan termasyhur. Antara karya termasyhur beliau di dalam bidang perubatan ialah *al Qanun Fi al Tibb* Yang merupakan “himpunan pembendaharaan ilmu perubatan” (Saad I. , 1985M).

3. Contoh Tokoh yang Menyumbang dalam Perubatan Islam

3.1 Biografi Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah

Nama penuh beliau ialah Abu Abdillah Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub bin Sa'ad bin Hariiz bin Maki Zainuddin az-Zura'I ad-Dimasyqi al-Hanbali ad-Dimasyqi. Ia diberikan *kunyah* (panggilan) Abu Abdillah, serta diberi *laqāb* (julukan) Syamsuddin. Ibn al-Qayyim dilahirkan pada tahun 17 Safar 691 H / 1292 M. Dilahirkan di desa pertanian di antara desa-desa Hauran dari arah tenggara Damaskus. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang berilmu serta dididik untuk mencintai ilmu pengetahuan dan ulama'. Dalam kehidupan beliau, mempunyai pengaruh yang besar untuk mencari ilmu, sehinggakan beliau diberikan gelaran dalam agama dan seumpamanya.

Ibu bapanya, bernama Abu Bakar Ibn Ayyub Az-Zura'i, seorang guru di madrasah Jauziyyah Damaskus. Madrasah yang dibangunkan oleh Muhyiddin Ibnu Hafizh Abdurrahman al-Jauzi, sehingga madrasah itu dinamakan dengan madrasah Jauziyyah, ini kerana dinisbahkan kepadanya. Oleh kerana Imam Ibn al-Qayyim sangat terkenal sebagai guru di madrasah tersebut. Oleh kerana itulah, Imam Ibn al-Qayyim dikenali sebagai Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (Isa, 2002)

Para ulama mengatakan bahawa biografi Ibnu Qayyim al-Jauziyyah dan ayahnya, berbangsa az-Zar'i dan kemudian berpindah ke Damaskus. Dari sini dapat diketahui bahawa datuk dan nenek moyangnya berasal dari daerah pertama (az-Zar'a) kemudian mereka berpindah ke tempat kedua iaitu daerah (Damaskus). Ibn Qayyim al-Jauziyyah memiliki dua orang putra, iaitu Syarafuddin Abdullah dan Burhanuddin Ibrahim ibn Syamsuddin. Syarafuddin Abdullah lahir pada tahun 723 H. Mereka sangat cerdas dan berhasil menghafal kitab suci al-Quran. Mereka menggantikan ayahnya dan mengajar di Shadriyyah dan wafat pada tahun 756 H. Burhanuddin Ibrahim ibn Syamsuddin lahir pada tahun 716 H, ia banyak belajar ilmu pengetahuan dari ayahnya sendiri, dan juga dari Madrasah Shadriyyah.

3.1.1 Guru-guru Ibn Qayyim al-Jauziyyah

Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah telah berguru dan mengambil ilmu dari ulama terkenal dan mereka memiliki pengaruh dalam pembentukan pemikiran dan kematangan keilmuannya. Diantara guru-guru Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang terkenal ialah:

1. Abu Bakr ibn Ayyub az-Zar'i (Qayyim al-Jauziyyah) merupakan ayahnya sendiri dimana Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah mempelajari ilmu fara'id dan memiliki ilmu mendalam tentang fara'id (Abdul Hayyie al-Kattani, 2006).

2. Imam al-Harran Ismail ibn Muhammad al-Farra', guru mazhab Hambali di Dimasyq. Ibn al-Qayyim belajar padanya ilmu fara'id sebagai kelanjutan dari apa yang diperoleh dari ayahnya dan ilmu fikih.
3. Syarafuddin ibn Taimiyyah, saudara syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah. Beliau menguasai berbagai ilmu disiplin.
4. Badruddin ibn Jama'ah. Beliau seorang imam masyhur yang bermazhab Syafi'i, dan memiliki beberapa karangan kitab.

Ibn Qayyim Al-Jauziyyah wafat pada usia 60 tahun, pada malam khamis iaitu 13 Rejab 751 H / 1350 M. Jenazahnya disolatkan di Masjid Agung Bani Umayyah Damaskus, keesokan harinya selepas solat zohor. Kemudian di solatkan lagi di masjid Al-Jarrah, berdekatan kuburan beliau di makamkan. Selepas itu, dimakamkan di pemakaman Bab al-Shagir, berdekatan makam ibunya di Damaskus (Abidin,1988).

3.1.2 Sumbangan Ibn Qayyim al-Jauziyyah terhadap penulisan ilmiyyah

Antara penulisan ilmiyyah yang dapat dihasilkan adalah seperti berikut:

- i. Kitab Zaad al-Ma'ad al-hadyu ilaa Sabil ar-Rasyaad.
- ii. A'laam al-Muwaqqi'in 'an Rabbil 'alamiin.
- iii. Ahkaam Ahli adz-Dzimmah.
- iv. Madaarij as-Saalikin.
- v. Tuhfah al-Maudud bi-Ahkaam al-maulud.
- vi. Ath-Thuruq al-Hukmiyah fii as-Siyasah asy-Syar'iyah.
- vii. Ighatsah al-Lahafaan.
- viii. Ash-Shawaa'iq al-Mursalah 'ala al-Jahmiyah wal-Mu'aththilah.
- ix. Al-Furusiyah.
- x. Ash-shalah wa Hukmu Taarikihaa.
- xi. Ijtima' al-Juyusy al-Islamiyah 'ala Ghazwi al-Mu'aththilah wal-Jahmiyah.
- xii. Syifa'u al-'alil fii Masaa'il al-Qadha` wal-Qadar wal-Hikmah wat-Ta'liil.
- xiii. Al-Kafiyah asy-Syafiyah fii al-Intishar lil-Firqah an-Najiyah.
- xiv. 'Iddah ash-Shabirina wa Dzakhirah asy-Syakirin.
- xv. Ad-Daa'u wad-Dawaa'u
- xvi. Bada'I al-Fawaa'id.
- xvii. Al-Fawaa'id
- xviii. Miiftaah Daar as-Sa'adah
- xix. Al-Manaar al-Muniif fii ash-Shahih wadh-Dha'if.
- xx. Tahdzib Sunan Abi Dawud wa iidhah Muskilaatihi wa 'Ilalihi.
- xxi. Hidayah al-Hiyaara fii Ajwibah al-Yahuud wan-Nashaara.

3.2 *Biografi Syeikh Wahid Abdul Salam Bali*

Nama penuh beliau ialah Wahid Ibnu Abdul Salam Ibnu Bali. Beliau dilahirkan di desa Ahmad Sulaiman Proinsi Kafru Syekih Republik Arab Mesir pada tahun 1963M. Beliau telah belajar di dalam jurusan pendidikan S1 fakulti Adab dan Pendidikan Divisi Bahasa Arab pada tahun 1985 M. Beliau pernah mengajar bahasa arab dan pendidikan Islam di Sekolah

Menengah Umum (Tsanawiyah) di Saudi Arabia iaitu 2 tahun di Madinah dan 4 tahun di Kota Abha.

3.2.1 Rehlah Syeikh Wahid Abdul Salam Bali dalam menuntut ilmu hadis

Perjalanan pertama ke sudan, perjalanan seterusnya ke Kuwait untuk menyemak Misykatul Mashabih dari dua gurunya iaitu Syekh Muhammad Al A'zhomy Al Hindi dan Syekh Abdul Wakil ibnu Abdul Haq Al Hasyimy Al Makky, di Masjid Agung Kuwait. Syeikh Wahid Abdul Salam Bali meneruskan perjalanannya ke Al Khubar di Arab Saudi untuk menyemak Sahih Bukhari dan Muwatta Malik dari kutub sittah daripada dua orang gurunya Syekh Muhammad Al A'zhomy Al Hindy dan Syekh Abdul Wakil ibnu Abdul Haq Al Hasyimy Al Makky dan telah

mendengar juga dari guru yang pertama Nuzhatun Nazhor Ibnu Hajar dan Juz Ibnu Arafah dan dari guru yang kedua Ar Risalah Imam Syafie keseluruhannya.

Syeikh Wahid Abdul Salam Bali meneruskan lagi perjalanannya ke Mekah Al-Mukarramah untuk memerisa keempat-empat sunan seperti sunan Abu Dawud, Tirmidzi, Nasai dan Ibnu Majah keseluruhannya dan melengkapinya dari kitab Bulughul Maram dan juga Menyemak As Syamail Tirmidzi seluruhnya daripada Syeikh Muhammad Israil ibnu Muhammad Ibrahim An Nadwi, Tsanaullah Az Zahidy, Ghulamullah Rohmati, dan Abdul Syakur Al Mazhahiry, dan bersama beliau ketika itu Syeikh Akram Ibnu Hamid Al Bukhary dan Syeikh Yahya Al Bakri dari kota Abha dan semuanya memberikan Ijazah kepada beliau secara lisan dan di rumah Syeikh Abdul Syakur mereka membaca Muwattha' dan beliau Syekh Wahid Abdul Salam Bali) dari majlis pertama.

Syeikh Wahid Abdul Salam Bali meneruskan lagi perjalanannya ke Kuwait pada tahun 2010 untuk menyemak Sahih Muslim daripada 10 orang gurunya seperti Muhammad Al Azhomy Al Hindy, Muhammad Israil ibnu Muhammad Ibrahim An Nadwi, Tsanaullah Ibnu Khan Al Madani, Ghulamullah Rahmati, Ahmad As Surati, Umar Ibnu Abdillah Al Ahdal, Shubhy As Samiraiy, Abdul Wakil Ibnu Abdull Haq Al Hasyimy, Muhammad Qosim Al Wasyili dan Dr. Walid Munis.

Beliau juga berfahaman salafi yang kebiasaannya dikaitkan dengan fahaman Syaikh Muhammad bin Abdul Wahab yang sinonimnya dengan panggilan wahabi di nusantara. Namun demikian, pemahaman yang dibawa oleh beliau tidak menjadi penghalang dalam menuntut ilmu. Syaikh Nuruddin al-banjari al-Makki pernah ditanya tentang kedudukan dan penerimaan kitab karangan Syaikh Wahid Abdul Salam Bali menegaskan bahawa karangan yang ditulis oleh Syaikh Wahid Abdul Salam Bali boleh diterimapakai dan bertepatan dengan syariah Islam. Tambahan Syaikh Nuruddin al-banjari al-Makki, beliau sempat berguru dengan Syaikh Wahid Abdul Salam Bali ketika berada di Mesir. (<http://www.rawatanislam2u.com>. 12/10/2017)

3.2.2 Guru-guru Syaikh Wahid Abdul Salam Bali

Menurut Ruhaily (2016) telah menyenaraikan beberapa guru dengan pelbagai latarbelakang ilmu dan mengambil ilmu dari ulama terkenal. Diantara guru-guru Syaikh Wahid Abdul Salam Bali yang terkenal ialah: (Ruhaily, 2016)

- i. Syaikh Abdul Aziz Ibnu Baz Rahimahullah (pernah mengunjunginya di rumahnya sekali)
- ii. Syaikh Muhammad Ibnu Soleh Al-, Utsaimin Rahimahullah
- iii. Syaikh Muhammad Nashiruddin Al- Albani Rahimahullah (pernah menghadiri satu kajian di Makkah Al Mukarromah)
- iv. Syaikh Athiyyah Muhammad Salim Rahimahullah.
- v. Syaikh Abdullah Al-, Ajlan Pengajar di Masjidil Haram.
- vi. Syaikh Abdullah Ibnu Abdur Rahman Ibnu Jibrin Rahimahullah.
- vii. Syaikh Usamah Khayat Imam dan Khotib Masjid Nabawi.
- viii. Syaikh Abu Bakr Al- Jazairy Pengajar di Masjid Nabawi.
- ix. Syaikh Jabrot Al- Fifi Hakim Utama di Pengadilan Besar di Abha
- x. Doktor Jabron Al- Bushily (Pernah belajar kepadanya sepotong dari matan al kaukabul munir ushul fiqh)
- xi. Syaikh Muhammad Shofwat Nuruddinn Rahimahullah.
- xii. Syaikh Shofwat Syawadafi Rahimahullah.

3.2.3 Sumbangan Syaikh Wahid Abdul Salam Bali dalam penulisan ilmiah

Dalam penulisan ilmiah, Syaikh Wahid Abdul Salam Bali terlibat dalam menghasilkan beberapa karya yang menyumbang kepada dunia perubatan Islam. Antara karya beliau adalah *al-Soorimu al-Battar fi at-Tasoddi LilSihirati al-Asyhaar* dan *Wiqayatu al-Insani Min al-Jinni wa asy-Syaitani*.

Pengaruh Syaikh Wahid Abdul Salam Bali dalam perubatan Islam tersebar luas termasuklah di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh sebilangan rakyat Malaysia menyambung pengajian di peringkat sarjana muda dan ke atas di Mesir. Antara murid beliau yang aktif dalam perubatan Islam ialah Dato' Seri Mohammad Suhaimi bin Rozali pengasas Pusat perubatan Islam Darul Ruqyyah dan Ustaz Sahrhan B. Shafie merupakan pengasas Pusat Perubatan Islam Sinar Zamdurani.

4. Kesimpulan

Dunia Islam telah memenuhi dalam perubatan seawal kedatangan Islam. Malah dunia perubatan tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia. Manakala manusia pula tidak dapat dipisahkan dengan agama yang mana dengan agama dapat membentuk sahsiah seseorang ke arah kebaikan dan mementingkan kesihatan rohani dan jasmani. Oleh yang demikian, kesinambungan di antara rohani dan jasmani memerlukan penguasaan kedua-dua ilmu. Ini berdasarkan kepada saranan Imam Ghazali supaya keseimbangan ilmu perlu di kalangan umat Islam. Jangan sehingga leka dengan ilmu Fiqh dan ilmu perubatan diambil-alih oleh orang bukan Islam. Namun demikian, masih terdapat tokoh di kalangan umat Islam yang dapat memberi sumbangan dalam bidang perubatan. Antaranya al Hakam bin Abi al

Hakam al Dimasyqi dan anaknya Isa bin Hakim. Perkembangan ini berlaku secara berterusan sehingga pada abad ke-21. Tambahan pula, pada masa kini ramai tokoh perubatan Islam di kalangan orang Islam. Ini menunjukkan kesedaran perubatan Islam di kalangan umat Islam dapat sambutan yang memberangsangkan.

Rujukan

Buku

- Al-Bakri, D. B. (2011). *Perubatan Al-Ternatif mengikut perspektif Islam*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Taha, A. (1992). *Kedokteran Islam terjemahan Ismail Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan.
- Al Qaradawi, Y. A. (1995M/1415H). *Fi Fiq al Aulawiyat*. Beirut: Muassasah al Risalah.
- Saad, I. (1985M). *Pengenalan Tamedun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan.
- Ibn Kathir, A. a. (1985M/1405H.). *al Bidayat Wa al Nihayat*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyah.
- Najjar, A. a. (1987M/1407H). *Fi Tarikh al Tibb Fi al Daulah al Ilamiyyah*. Kaherah: Kaherah Dar al ma'arif.
- Noordin, S. (1981M/1401H). *Sains Barat Moden Dan Percanggahannya*. Kuala Lumpur: Virtuc Publications.
- Khalidi, M. a. (1985M). *Al Aqidah Wa Ilm Al Kalam*. Maktabah Al Risalah Al Hadithah.
- Al Razi, M. A. (1985M/1405H.). *Al Tafsir al Kabir*. Beirut: Dar al Fik.
- Nik Aziz bin Sulaiman & Shahimi bin Mustafa, *Perkembangan Dan Rencatan Ilmu Perubatan Muslim di dalam Sains Menurut Perspektif Islam*.
- Isa, R. M. (2002). *Panduan Rawatan Perubatan Berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah Ibn Qayyin Al-Jauziyyah*. selangor: Percetakan Zafar Sdn.Bhd.
- Abdul Hayyie al-Kattani, U. A. (2006). *Tobat Kembali Kepada Allah*. Jakarta: Jakarta.
- Abidin, Z. (1988). *Konsep Perubatan Islam*. Pukau Pinang: Pustaka Nahu.
- Ruhaily, A. U. (2016). *Biografi Syeikh Wahid Abdussalam Bali. Biografi Syeikh Wahid Abdussalam Bali*.